

29/10/2003

Sekolah hasil sepanduk hargai sumbangan Dr M

BUKIT MERTA JAM: Seramai 620 murid, guru dan kakitangan Sekolah Kebangsaan

Mengkuang (SKM), Seberang Prai Tengah (SPT) menghasilkan kain sepanduk sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara akhir bulan ini.

Sepanduk sepanjang enam meter dan tiga meter lebar itu dihasilkan di pekarangan sekolah itu, semalam sempena Program Sekalung Budi kepada Dr Mahathir.

Kain sepanduk yang dimuatkan dengan perkataan 'Terima kasih kepada Dr Mahathir kerana telah berjaya mengangkat martabat bangsa dan negara', turut ditandatangani oleh pelajar, guru dan kakitangan sekolah.

Guru Besar SKM, Hashim Abdullah, berkata sepanduk itu akan dipasang di pintu masuk sekolah dalam tempoh terdekat.

Katanya, pelbagai acara turut diadakan bagi meraikan persaraan Dr Mahathir seperti pertandingan biografi Dr Mahathir, buku skrap Dr Mahathir, mendeklamasi puisi, berpidato dan bercerita membabitkan murid SKM.

Beliau berkata, majlis tahlil dan membaca Yassin serta berbuka puasa yang disertai warga sekolah dan ibu bapa akan turut diadakan Khamis ini, bermula jam 5 petang.

"Warga sekolah akan membuat kad ucapan penghargaan kepada Dr Mahathir serta menyerahkan kepadanya dalam tempoh terdekat," katanya.